

The book cover features a dark blue background with a torn paper effect at the top. The title 'COVID-19' is written in large, bold, red letters, with a red virus particle integrated into the letter 'O'. Below the title, the subtitle 'DARI PERSPEKTIF SAINS SOSIAL' is in white, and 'IMPLIKASI DAN SOLUSI' is in larger white letters. The central image shows a magnifying glass with a black handle and silver rim, focusing on a glowing white virus particle. Below the magnifying glass is a stylized globe with green continents and blue oceans. Several red virus particles of varying sizes are scattered across the cover, some appearing to float in the air. The overall theme is the global impact and scientific/social perspectives on COVID-19.

# COVID-19

DARI PERSPEKTIF SAINS SOSIAL  
**IMPLIKASI DAN SOLUSI**

EDITOR  
ABDUL RASHID ABDUL AZIZ  
MUHAMMAD NUBLI ABDUL WAHAB  
SITI NUBAILAH MOHD YUSOF  
ANITA ABDUL RANI

# **C****VID-19**

## **DARI PERSPEKTIF SAINS SOSIAL IMPLIKASI DAN SOLUSI**

**EDITOR  
ABDUL RASHID ABDUL AZIZ  
MUHAMMAD NUBLI ABDUL WAHAB  
SITI NUBAILAH MOHD YUSOF  
ANITA ABDUL RANI**

**Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang  
Kuantan  
2021**



## BAB 4

---

# **Pandemik COVID-19: Cabaran dan Solusi dalam Pendidikan Anak-Anak**

Zuraina Ali, Puteri Azlian Megat Ramli dan Abdul Rashid Abdul Aziz

### **PENGENALAN**

Dunia digemparkan dengan kemunculan pandemik berbahaya *Novel Coronavirus* atau COVID-19 pada penghujung tahun 2019. Impaknya terus tersebar di seluruh dunia tanpa mengira agama, bangsa, status, pangkat dan usia. Bahkan wabak ini telah membunuh jutaan nyawa di seluruh dunia. Data terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation, WHO) menunjukkan wabak yang mencetuskan masalah kesihatan awam dunia ini telah mencatat lebih 50 juta kes di seluruh dunia dan melibatkan 216 buah negara yang terjejas berikutnya (Laporan WHO, 2020). Bahkan, WHO juga menganggarkan peningkatan kes-kes yang melibatkan kesihatan mental bagi penduduk dunia lantaran pandemik COVID-19 ini. Ekoran daripada wabak yang berlaku ini, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang bertujuan memutuskan rantaian wabak dengan mengawal penularan virus. Di antara pelaksanaan PKP ialah penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, berasrama penuh, antarabangsa dan pusat tahfiz. Turut ditutup ialah institusi pendidikan tinggi yang melibatkan universiti awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara. Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 ini bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh, malah menjadikan tugas para pengajar dan pelajar semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan